

Pelaburan di PKFZ naik mendadak

PELABUHAN KLANG

4 Julai - Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mencatatkan peningkatan pelaburan sebanyak RM-467 juta dengan jangkaan pelaburan tambahan sebanyak RM-85 juta lagi, kata Pengerusi PKFZ, Datin Paduka O.C. Phang (**gambar**).

Menurutnya, minat mendadak daripada para pelabur tempatan dan luar negara jelas dalam tempoh empat bulan lalu, yang menyaksikan jumlah penyewanya meningkat dua kali ganda kepada 20 berbanding sembilan pada bulan Februari.

Sepanjang tempoh tersebut, ujarnya, pelabur-pelabur berkecambah telah memajak 22 hektar tapak industri yang sudah tersedia, dengan pilihan untuk menyewa 20.8 hektar lagi.

Ini termasuk serta lapan buah kilang industri ringan atau gudang, dengan pilihan untuk menyewa dua lagi manakala enam lot ruang pejabat seluas lebih 5,300 kaki persegi telahpun disewa.

Antara pelabur terbaru di PKFZ ialah Pantech Group Holdings Bhd. yang telah memajak 2.8 hektar tapak yang telah disediakan.

"Para pelabur menghargai lokasi

Para pelabur menghargai lokasi kami yang mempunyai kelebihan strategik, kemudahan tempat penyimpanan dan gudang

kami yang mempunyai kelebihan strategik, kemudahan tempat penyimpanan dan gudang.

"Tarikan lain ialah status bebas cukainya yang membolehkan mereka mengeksport dan mengedar barangan masing-masing ke peringkat serantau," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kini, para pelabur yang menjalani aktiviti di PKFZ meliputi pelbagai industri termasuk: simpanan besi dan besi waja untuk tujuan eksport, pengeluaran dan penyimpanan peralatan laut kecil, paip dan aksesori bagi industri minyak dan gas, serta komponen import automotif terpakai untuk eksport semula.

Dimiliki dan dimajukan oleh Lembaga Pelabuhan Klang, PKFZ adalah projek pembangunan terbesar yang dilaksanakan sejak perkhidmatan pelabuhan diswastakan hampir dua dekad yang lalu.

PKFZ, yang merangkumi kawa-

san seluas 400 hektar di sebelah Pelabuhan Barat (Westports) di Pulau Indah, adalah zon bebas industri dan komersial bersepadu yang pertama di Malaysia yang membolehkan aktiviti pengeluaran dan komersial berjalan serentak.

O.C. PHANG
Pengerusi PKFZ

